

Bil. S 45

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGGAJ 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(LINTASAN PEJALAN KAKI), 2002**

SUSUNAN PERATURAN-PERATURAN

Peraturan

1. Gelaran.
2. Tafsiran.
3. Pejalan kaki hendaklah menggunakan lintasan.
4. Pengecualian.
5. Keutamaan bagi pejalan kaki.
6. Kenderaan yang menghampiri lintasan hendaklah memandu perlahan.
7. Keutamaan bagi pejalan kaki di lintasan yang tidak dikawal.
8. Keutamaan bagi pejalan kaki di lintasan yang dikawal.
9. Pejalan kaki hendaklah menyeberangi menghala ke lalulintas bergerak.
10. Kenderaan tidak boleh berhenti di atas sebarang lintasan pejalan kaki.
11. Pejalan kaki tidak boleh berada di atas lintasan.
12. Pejalan kaki yang tidak menyeberangi di lintasan pejalan kaki hendaklah memberi laluan kepada lalulintas.
13. Kesalahan-kesalahan.

JADUAL

**AKTA LALULINTAS JALAN RAYA
(PENGAL 68)**

**PERATURAN-PERATURAN LALULINTAS JALAN RAYA
(LINTASAN PEJALAN KAKI), 2002**

Pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberikan oleh bab-bab 81A dan 93 dari Akta Lalulintas Jalan Raya, maka Menteri Perhubungan, dengan titah perkenan Kabawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan ini membuat Peraturan-Peraturan yang berikut —

Gelaran.

1. Peraturan-Peraturan ini boleh digelar sebagai Peraturan-Peraturan Lalulintas Jalan Raya (Lintasan Pejalan Kaki), 2002.

Tafsiran.

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain, "lintasan pejalan kaki" bermakna sebarang lintasan yang diadakan untuk kegunaan pejalan-pejalan kaki di atas jalan raya, jalan bawah tanah atau jejantas yang ditunjukkan dengan isyarat lalulintas, tanda-tanda jalan ataupun selainnya sebagaimana yang ditunjukkan dalam mana-mana gambarajah dalam Bahagian I Jadual.

Pejalan kaki hendaklah menggunakan lintasan.

3. (1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 4, mana-mana pejalan kaki yang berada dalam lingkungan 50 meter dari kedua-dua belah suatu lintasan pejalan kaki hendaklah menggunakan lintasan pejalan kaki tersebut bagi maksud menyeberangi jalan.

(2) Had jarak 50 meter di kedua-dua belah suatu lintasan pejalan kaki yang disebut dalam peraturan kecil (1) hendaklah ditunjukkan dengan isyarat lalulintas di tempat yang mudah kelihatan dan sebagaimana yang ditunjukkan dalam gambarajah dalam Bahagian II Jadual.

(3) Jika suatu lintasan pejalan kaki ditandakan dengan dua garisan putih selari yang dibuat merentangi jalan raya di suatu simpang atau persilangan, seseorang pejalan kaki hendaklah menyeberangi selari dengan aliran lalulintas kenderaan, dan jika suatu lintasan pejalan kaki ditandakan dengan suatu tanda lalulintas berisyarat, seseorang pejalan kaki hendaklah menyeberangi hanya apabila isyarat orang hijau dalam tanda lalulintas berisyarat itu menyala.

(4) Jika suatu rel atau struktur lain yang serupa telah dibina atau didirikan di tepi laluan jalan kaki tepi rumput di sisi sebelah jalan atau di atas pembahagi jalan, tiada sesiapa pun boleh memanjat, menyusup di bawah atau melalui rel atau struktur tersebut atau mana-mana celahnya untuk melintasi seberang jalan atau bagi sebarang maksud lain.

Pengecualian.

4. Orang-orang yang berikut hendaklah dikecualikan daripada peraturan kecil (1) peraturan 3 jika suatu lintasan pejalan kaki adalah jejantas —

(a) seseorang yang sama sekali tidak dapat menggunakan sebelah atau kedua-dua kakinya; dan

(b) seseorang yang telah diperakui oleh seseorang pengamal perubatan berdaftar sebagai menghidap penyakit jantung atau sebarang penyakit atau kecacatan lain yang takat atau tahapnya boleh membahayakan kesihatan atau keadaan fizikalnya jika dia menggunakan jejantas.

Keutamaan bagi pejalan kaki.

5. Pemandu sesebuah kenderaan yang semasa membelokkan kenderaannya di suatu persilangan atau simpang jalan di mana terdapat suatu lintasan pejalan kaki hendaklah memberhentikan kenderaannya untuk memberi laluan kepada mana-mana pejalan kaki yang sama ada menyeberangi atau mula menyeberangi persilangan atau simpang jalan itu.

Kenderaan yang menghampiri lintasan hendaklah memandu perlahan.

6. Pemandu tiap-tiap kenderaan yang menghampiri suatu lintasan pejalan kaki hendaklah, melainkan jika dia dapat melihat bahawa tiada pejalan kaki di lintasan tersebut, memandu pada kelajuan yang akan membolehkannya dapat memberhentikan kenderaannya sebelum sampai di lintasan tersebut.

Keutamaan bagi pejalan kaki di lintasan yang tidak dikawal.

7. Pemandu tiap-tiap kenderaan di, atau yang menghampiri, suatu lintasan pejalan kaki jika lalulintas tidak dikawal pada masa itu oleh seseorang pegawai polis atau dengan isyarat lampu hendaklah memberi laluan bebas dan tanpa gangguan kepada mana-mana pejalan kaki yang sama ada menyeberangi atau mula menyeberangi jalan dan tiap-tiap pejalan kaki hendaklah mendapat keutamaan dari semua lalulintas kenderaan di lintasan tersebut.

Keutamaan bagi pejalan kaki di lintasan yang dikawal.

8. Di mana saja terdapat suatu lintasan pejalan kaki di suatu persilangan atau simpang jalan jika lalulintas dikawal dengan isyarat lampu atau oleh seseorang pegawai polis, tiap-tiap pejalan kaki yang hendak memasuki atau telah memasuki lintasan tersebut hendaklah dibenarkan lalu dengan bebas dan tanpa gangguan di lintasan tersebut oleh semua pemandu kenderaan yang menghampiri lintasan tersebut, walaupun pemandu-pemandu itu mungkin telah pun mendapat isyarat untuk terus memandu sama ada dari isyarat lampu atau pegawai polis tersebut, mengikut mana yang berkenaan.

Pejalan kaki hendaklah menyeberangi menghala ke lalulintas bergerak.

9. Di semua persilangan atau simpang apabila lalulintas dikawal dengan isyarat lampu atau oleh seseorang pegawai polis, pejalan kaki boleh menyeberangi jalan ka hala sama dengan lalulintas bergerak tetapi tidaklah boleh menyeberangi ke sebarang hala lain melainkan jika mereka dapat berbuat demikian tanpa mengganggu pergerakan lalulintas yang sah.

Kenderaan tidak boleh berhenti di atas sebarang lintasan pejalan kaki.

10. Pemandu mana-mana kenderaan tidaklah boleh menyebabkan supaya kenderaan itu atau mana-mana bahagiannya berhenti di atas sebarang lintasan pejalan kaki melainkan jika sama ada —

(a) dia dihalang dari terus memandu oleh hal keadaan di luar kawalannya; atau

(b) dia perlu berhenti untuk mengelakkan sesuatu kemalangan.

Pejalan kaki tidak boleh berada di atas lintasan.

11. Pejalan kaki tidaklah boleh berada di atas sebarang lintasan pejalan kaki lebih lama dari yang perlu bagi maksud melalui dari sebelah jalan ke seberang jalan.

Pejalan kaki yang tidak menyeberangi di lintasan pejalan kaki hendaklah memberi laluan kepada lalulintas.

12. (1) Tiap-tiap pejalan kaki, apabila menyeberangi jalan, hendaklah berbuat demikian dengan menggunakan laluan paling terus ke seberang jalan, dan apabila menyeberangi di mana-mana tempat selain dari suatu lintasan pejalan kaki hendaklah memberi hak untuk lalu kepada semua kenderaan.

(2) Tiada sesiapa pun boleh berdiri, duduk, bertingtung, berdiri-diri, berjalan atau berlari di atas jalan dengan cara atau dalam kedudukan yang boleh mengganggu pergerakan lalulintas yang sah.

Kesalahan-kesalahan.

13. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana dari Peraturan-Peraturan ini adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila sabit kesalahan —

(a) jika kesalahan itu dilakukan olehnya atas sifatnya sebagai pemandu sebuah kenderaan, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$1,000 atau dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 3 bulan, dan dalam hal kesalahan kedua dan berikutnya dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$2,000, dihukum penjara selama suatu tempoh yang tidak melebihi dari 6 bulan atau kedua-duanya sekali;

(b) dalam sebarang kes lain, dikenakan suatu denda yang tidak melebihi dari \$500.

JADUAL

(peraturan 2)

BAHAGIAN I

GAMBARAJAH NO. 1

Tanda Maklumat



LINTASAN PEJALAN KAKI

Tanda tersebut memberitahu pejalan kaki dan pemandu tentang kedudukan lintasan pejalan kaki yang ditetapkan.

GAMBARAJAH NO. 2



LINTASAN PEJALAN KAKI DI HADAPAN

Tanda tersebut boleh digunakan bersama dengan plat tambahan.


BAHAGIAN I – (sambungan)

GAMBARAJAH NO. 3

**ORANG MERAH/ORANG HIJAU
ISYARAT LALULINTAS YANG MENUNJUKKAN LINTASAN PEJALAN KAKI**




ISYARAT ORANG MERAH



ISYARAT ORANG HIJAU

BAHAGIAN I – (sambungan)


GAMBARAJAH NO. 4



**GARISAN PUTIH SELARI YANG MENUNJUKKAN LINTASAN PEJALAN KAKI
DI SIMPANG BERLAMPU ISYARAT**

BAHAGIAN I – *(sambungan)*

GAMBARAJAH NO. 5




**GARISAN PUTIH SELARI YANG MENUNJUKKAN LINTASAN PEJALAN KAKI
BUKAN DI SIMPANG BERLAMPU ISYARAT**

JADUAL

(peraturan 3(2))

BAHAGIAN II



**Tanda Larangan Melintas Jalan dalam Jarak 50 Meter
dari Kedua-dua Belah Lintasan Pejalan Kaki**

Diperbuat pada hari ini 11 haribulan Jamadilawal, Tahun Hijrah 1423
bersamaan dengan 22 haribulan Julai, 2002.

**PEHIN ORANG KAYA AMAR PAHLAWAN DATO SERI SETIA
AWANG HAJI ZAKARIA BIN DATU MAHAWANGSA HAJI SULAIMAN**
Menteri Perhubungan,
Negara Brunei Darussalam.